



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### SUKARELAWAN SISWA MELESTARI AGENDA PERPADUAN NEGARA

---

**NEGERI SEMBILAN, 3 November 2023** –Seramai 95 orang sukarelawan siswa dan alumni akan menyertai **Program Ini Warisan Kita : Misi Sukarelawan Siswa ke Sarawak 2023** bermula hari ini sehingga 16 November 2023. Majlis perasmian dan sesi *flag-off* telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Dengan tema Melestarikan Agenda Perpaduan Negara, misi ini bertujuan untuk **melahirkan pemimpin sukarelawan siswa di pentas global di samping menggalakkan penglibatan siswa dan komuniti setempat dalam aktiviti kesukarelawanan**. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) memainkan peranan penting dalam membawa agenda perpaduan melalui aktiviti kesukarelawanan.

Misi ini melibatkan enam (6) kawasan di Negeri Sarawak iaitu Sungai Maong (Petrajaya), Ng Machan (Kanowit), Daha (Serian), Ba'kelalan (Lawas), Long Laput dan Long Kevok (Telang Usan).

Program yang berkonsepkan ‘*immersion*’ dan ‘*right volunteers for the right job*’ ini dilihat bertepatan dengan hasrat Kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI yang **menerapkan elemen hormat dan ihsan serta menjadikan warisan sebagai salah satu platform pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia**.

Program ini memberi fokus kepada enam (6) *pillar* kesukarelawanan iaitu **perpaduan dan pemerkasaan komuniti, penambahbaikan pendidikan dan pembangunan kapasiti, kelestarian alam sekitar, program kesihatan, transformasi digital dan mobilisasi impak sosial**.

YB Datuk Aaron berkata, “YSS diharap dapat memacu Malaysia menjadi hub dan negara contoh dalam aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan rakyat berbilang kaum berteraskan gagasan Malaysia MADANI”. Tambah beliau, bagi merealisasikan hasrat ini, **satu Konvensyen Sukarelawan Nasional 2024 perlu diadakan bagi mengumpul sukarelawan aktif di Malaysia untuk berbincang mengenai hala tuju gerakan sukarelawan dalam kalangan rakyat dan generasi muda Malaysia**.

Pelaksanaan program ini diharap dapat meningkatkan kefahaman para pelajar mengenai adat resam dan cara hidup masyarakat tempatan di samping dapat menyuntik semangat cintakan tanah air melalui penghayatan terhadap kepelbagaian khazanah warisan turun temurun negara ini.

**Kementerian Perpaduan Negara**

3 November 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:                   Unit Komunikasi Korporat  
   b.p.: Ketua Setiausaha  
   Kementerian Perpaduan Negara  
   Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
   E-mel: pro@perpaduan.gov.my  
   No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (20)